

Saji tarian separuh bogel: Premis ditutup serta-merta

Kuala Lumpur: Siasatan terhadap premis yang mempersembahkan tarian separuh bogel di Jalan Bukit Bintang di sini, mendapati ia dikendalikan oleh dua warga Bangladesh dan dua warga Iran.

Pada masa sama, menurut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), siasatan pihaknya turut mendapati premis terbabit memiliki lesen komposit Kedai Runcit/Serba-

neka/Pasar Mini (Barangan Kering Sahaja) bagi menjalankan aktiviti pasar raya.

"Premis terbabit dikendalikan empat pekerja warga asing yang tidak mempunyai permit kerja sah.

"Premis itu juga diarahkan untuk ditutup serta-merta kerana dikendalikan oleh bukan warga negara," kata DBKL dalam satu kenyataan di Face-

booknya.

"Menurut pekerja premis itu, kejadian tarian separuh bogel yang tular itu berlaku pada 5 Julai lalu bersempena dengan sambutan ulang tahun premis terbabit," tambahnya.

Selain diarahkan tutup, kompaun turut dikenakan kerana menggajikan pekerja warga asing tanpa permit kerja sah dan menjalankan aktiviti selain yang dilesenkan.